

Baby Hatch Menurut Perundangan Malaysia dan Syarak

Baby Hatch According to Malaysian Law and Syarak

SYAHIDA NAFISAH HISHAMUDDIN, Universiti Kebangsaan Malaysia
WAFAA' YUSOF, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: March 17, 2021 Accepted: June 4, 2021 Online Published: June 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABTRAK

Penubuhan baby hatch mengundang konflik dan salah faham dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Mereka menolak dan melihat kewujudan baby hatch sebagai satu jalan baru bagi menggalakkan pezinaan. Persepsi negatif masyarakat terhadap penubuhan baby hatch disusuli dengan beberapa isu perundangan yang agak kabur berkaitan kesahihan penubuhan baby hatch. Malah, amalannya mengundang pelbagai reaksi dan masalah. Peruntukan undang-undang di Malaysia dan syarak berkaitan dengan isu pelaksanaan baby hatch dianalisis untuk melihat sejauhmana setiap tindakan berkaitan dengan baby hatch dibenarkan oleh undang-undang di Malaysia dan syarak. Hasil analisis menunjukkan undang-undang yang ada tidak secara khusus berkaitan baby hatch. Malahan pelbagai undang-undang terlibat secara tidak langsung bergantung kepada isu-isu yang dikaitkan dengan pelaksanaan baby hatch. Antaranya, isu pengabaian ibu bapa atau penjaga bayi, pembuangan bayi dan kedudukan tindakan mereka meletakkan anak di baby hatch dari sudut perundangan. Sementara dari sudut syarak, isu penubuhan baby hatch bertepatan dengan maqāsid dan al-dharuriyyāt al-khamsah yang menjadi landasan utama untuk menilai keperluan dan kesahihan pelaksanaan baby hatch menurut syarak.

Kata kunci: Baby hatch, pembuangan bayi, perundangan Malaysia, syarak

ABSTRACT

The establishment of the baby hatch invites conflict and misunderstanding among the Muslim community in Malaysia. They perceive the existence of a baby hatch as a new way to encourage adultery. The community's negative perception of the establishment of the baby hatch was followed by some rather ambiguous legal issues related to the legitimacy of its establishment. In fact, its practice received various reactions and problems. The related legal provision in Malaysia and syarak pertaining to the baby hatch implementation is analyzed, to figure out to what extent of its permissibility by law and syarak. The analysis of the data obtained shows that the existing laws are not specifically related to baby hatch. Even the various laws involved indirectly depend on the issues associated with baby hatch implementation. Among them are the issue of parental and guardian negligence, abandonment of babies and acts of individual leaving the baby in the hatch from legal view. Meanwhile, the validity of its implementation according to Islamic law and the certainty of its needs, is derived from the rules of maqāsid and the preservation of al-dharuriyyāt al-khamsah.

Keywords: Baby hatch, baby dumping, Malaysian laws, syarak

PENGENALAN

Tindakan buang bayi hakikatnya melibatkan isu pengabaian ibu bapa atau penjaga. Kajian 2019 memetik dari penulisan Khadijah Alavi (2003) dan Jal Zabdi Mohd Yusoff (2010), menjelaskan bahawa pengabaian dan kecuaihan kanak-kanak berlaku apabila ibu bapa atau penjaga meninggalkan kanak-kanak dalam situasi yang boleh memberi ancaman kepada kesihatan dan kesejahteraan mereka yang merangkumi keperluan asas seperti makanan berkhasiat, keselamatan, pendidikan, rawatan emosi dan fizikal (Izzah Izzati, Wafaa' Yusof & Zuliza Mohd Kusrin 2019). Perkara ini ditekan dalam seksyen 17

Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak 1989 (UNCRC) dan juga Dasar Perlindungan kanak-kanak Kebangsaan Malaysia.

Insiden pembuangan bayi membentuk suatu gejala berterusan dalam kehidupan rakyat Malaysia tidak mengira agama, bangsa dan keturunan. Setiap tahun susunan angka statistik kes-kes pembuangan bayi merekodkan peningkatan yang serius. Statistik dari PDRM menunjukkan lebih daripada 100 orang bayi dibuang setiap tahun (BERNAMA 2019). Sementara statistik yang diperoleh oleh Bahagian Siasatan Seksual, Penderaan dan Kanak-kanak PDRM, menunjukkan sebanyak 577 kes pembuangan

bayi dan janin direkodkan antara Januari 2014 hingga Disember 2018 (Mohd Zuki Pileh 2020). Negeri Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 135 kes dalam tempoh lima tahun itu diikuti Sabah (67 kes), Johor dan Kuala Lumpur (62 kes), Kedah (42 kes), Perak (35 kes) dan Pahang (33 kes). Sementara Perlis mencatatkan jumlah kes pembuangan bayi terendah iaitu sebanyak tujuh kes diikuti Terengganu (12 kes) dan Melaka (13 kes) (MyMetro 2019).

Menurut Zulkifli Ismail dalam penyataannya melalui laman sesawang akhbar yang sama, isu pembuangan bayi sukar diselesaikan sepenuhnya berikutan ia adalah masalah sosial berkait rapat dengan pelbagai faktor berkait (MyMetro 2019). Malahan tidak kesemua kes ini melibatkan bayi yang sempurna pertumbuhannya. Laporan menunjukkan 435 bayi dibuang didapati baru dilahirkan manakala 142 lagi adalah dalam bentuk janin bayi. Keberangkatan bayi yang dibuang untuk hidup juga tipis. Analisis PDRM 2019 juga menunjukkan 60 peratus dari mangsa kemungkinan sudah tidak bernyawa lagi (Sinar Harian 2019). Oleh itu, pihak kerajaan dengan kerjasama badan-badan NGO's mengambil inisiatif dan alternatif lain untuk membantu bayi-bayi yang dibuang tetapi masih hidup ini di samping menguatkuasakan undang-undang.

Hakikatnya, isu pembuangan bayi ini menjadi tumpuan dan perdebatan dalam kalangan pemimpin dan rakyat di penghujung tahun 2019. Peningkatan kes ini secara tiba-tiba di awal 2010 kemudiannya, telah mendesak para pemimpin negara untuk mengambil satu tindakan drastik menanganinya. Apatah lagi kes pembuangan bayi ini telah didakwa dan dilabelkan oleh sesetengah tabloid di Malaysia sebagai masalah tragis yang hanya melibatkan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Dakwaan tidak berasas ini hanya berlandaskan kepada hukum Islam yang melarang keras kelahiran di luar perkahwinan yang sah dan kesan malu yang diterima. Oleh itu, mereka yang terlibat dalam pelanggaran hukum ini ada tendesi untuk mengambil tindakan menyembunyikan kelahiran dengan pelbagai cara termasuk membuang bayi mereka. Hasil kajian pada tahun 2013 telah membuktikan dakwaan ini tidak tepat dan jelas komuniti dari etnik lain juga tidak terkecuali menyumbang kepada peningkatan bilangan pada statistik kes (Niner S. et. Al).

Analisis himpunan tabloid di Malaysia oleh Sara Niner dan rakan-rakannya juga mendedahkan, krisis sosial di Malaysia pada tahun 2010, telah mencuri perhatian para pemimpin pada ketika itu dan telah mendesak mereka untuk mengambil beberapa langkah dan tindakan segera. Shahrizat yang bertindak sebagai Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat contohnya, menekankan keperluan kepada para remaja untuk didedahkan kepada program kesedaran dan agama. Sementara pegawai kebajikan masyarakat yang bertindak sebagai 'pelindung' hendaklah mengenalpasti kes-kes kehamilan di luar

perkahwinan ini dan memberi perlindungan kepada mereka sewajarnya (2003). Suara-suara pemimpin dan keperihatinan rakyat Malaysia membawa kepada penubuhan *baby hatch* selain dari pendidikan sex sebagai solusi kepada krisis sosial yang melanda Malaysia ketika itu.

Hasilnya, Malaysia telah menjadi salah satu negara yang mempraktikkan konsep pusat perlindungan bayi iaitu *baby hatch* seperti negara-negara maju yang lain untuk ibu-ibu meletakkan bayi yang tidak diinginkan di tempat yang selamat dan membesar dengan sihat seperti kanak-kanak lain. Azizah Mohd Dun¹ menegaskan bahawa ibu yang melahirkan bayi tidak sah taraf tidak perlu berasa takut untuk meletakkan bayi mereka di *baby hatch* kerana ia bukan satu kesalahan jenayah. Pihak kerajaan berharap ibu-ibu berkenaan memilih untuk meletakkan bayi mereka di *baby hatch* berbanding membuang bayi tersebut di merata tempat yang merupakan satu kesalahan jenayah. Dalam hal ini, keselamatan dan kesihatan bayi tersebut akan lebih terjamin kerana *baby hatch* merupakan fasiliti yang selamat (Bernama 2017).

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji kedudukan pelaksanaan *baby hatch* menurut perundangan di Malaysia dan syarak. Beberapa bidangkuasa perundangan dianalisis untuk melihat keterlibatan dan kedudukan *baby hatch* dari sudut undang-undang yang sedia ada. Manakala, perbincangan berkaitan *maqāsid shar'iyah* dan pemeliharaan *al-dharuriyyāt al-khamsah* diutarakan untuk menjelaskan isu ini menurut syarak. Kaedah rekabentuk kajian kualitatif dengan pendekatan analisis data secara deksriptif dan perbandingan digunakan untuk menghasilkan artikel ini. Kaedah pengumpulan data dan analisis dokumen digunakan termasuk data primer dan sekunder seperti kitab-kitab *fiqh*, statut perundangan dan artikel-artikel dari jurnal, majalah dan tabloid yang berkaitan pelaksanaan *baby hatch*.

KONSEP BABY HATCH

Sejarah Penubuhan *Baby Hatch* di Dunia

Baby hatch sebenarnya bukanlah satu isu yang baru bagi negara-negara di Eropah, bahkan telah wujud sejak awal kurun ke-7 lagi. Konsep *baby hatch* boleh dikatakan menyamai konsep *foundling wheel* atau *turning wheel*, pertama wujud di di Milan pada tahun 787 oleh seorang paderi bernama Dathus. Kemudian ia diikuti oleh bandar-bandar Eropah yang lain iaitu Siena pada tahun 832, Padua (1000), Montpellier (1070), Einbeck (1200), (Florence 1317), (Nürnberg 1331) dan Paris (1362). Di Portugal, Dona Isabel, Ratu Dom Diniz telah mendirikan rumah untuk pembuangan bayi di Santarém yang dikenali sebagai Hospital *Saint Mary of the Innocents* pada tahun 1321 (A.J.R. Russell-Wood 1968).

Anekdot sejarah awal penubuhan *turning wheels* atau *foundling wheels* hakikatnya mempamerkan

suatu yang menyentuh hati dan terkesan sehingga sekarang dalam usaha menangani kes-kes pengabaian, pembuangan dan pembunuhan bayi seperti *neonaticide* dan *infanticide*. Kebiasaannya di negara-negara Eropah, ibu-ibu yang miskin dan tidak berkemampuan akan meletakkan bayi mereka di *turning wheel* dengan harapan dan percaya bahawa para biarawati akan membesarkan anak mereka dengan baik. *Turning wheel* atau *foundling wheel* ini telah menjadi satu fenomena di seluruh Eropah Selatan menjelang abad ke-15. Menurut penulisan Russel-Wood (1968), terdapat beberapa kaedah untuk memberitahu biarawati mengenai kehadiran bayi di dalam *turning wheel*. Biasanya loceng diletakkan di dinding luar berhampiran roda dan dibunyikan oleh ibu atau penjaga bayi yang meninggalkan bayi mereka. Tindak balas secara automatik dari berat bayi yang diletak di dalam *turning wheel* juga boleh membunyikan loceng secara automatik. Loceng dibunyikan setelah mereka memutar roda yang dibuat daripada silinder kayu yang menjadi tempat bayi diletakkan tersebut memasuki bangunan gereja (Joan Cochrane 2013) dan dengan cara ini identiti si ibu atau penjaga menjadi satu rahsia (Mary Ann Dailey 2011). Kadang-kadang si ibu meninggalkan nota bersama dengan bayi mereka kepada pihak gereja untuk mengambil seorang *wet-nurse* atau ibu susuan untuk menyusu serta menjaga bayi itu dan si ibu yang sama akan menawarkan diri untuk memegang tanggungjawab ini. Dengan cara ini, para ibu dapat mengunjungi serta menyusu anak mereka sendiri dan pada masa yang sama pihak gereja meringankan beban kewangan dan keperluan bayi yang lain (May Overmyer 2019).

Konsep *turning wheels* atau *foundling wheels* moden telah dibangunkan kebelakangan ini di serata dunia termasuk di negara-negara Eropah, Afrika, Kanada dan juga Asia. Konsep yang dimodenkan ini memperkenalkan beberapa mekanisma baru dalam usaha menangani masalah bayi yang diabaikan dan ditinggalkan oleh ibu atau penjaga. Antaranya, mewujudkan undang-undang berkaitan kelahiran tanpa nama atau disebut sebagai *anonymous birth laws*² sebagaimana dikuatkuasakan di Perancis dan Austria, dan *safe heaven laws* di Amerika Syarikat serta menubuhkan *baby hatch* yang melibatkan majoriti negara di dunia termasuk Malaysia. Pertindanan antara penguatkuasaan undang-undang tersebut dan peranan *baby hatch* sering berlaku di negara-negara yang mengiktiraf kedua-dua mekanisma ini. Walaupun mekanisma ini berbeza, penjagaan terbaik terhadap kedua-dua ibu dan anak merupakan fokus utama yang mendasari pembentukan undang-undang ini dan juga penubuhan *baby hatch* (The University of Nottingham, Institute of Work, Health & Organisations 2012).

Keberkesanan penubuhan *baby hatch* telah dibuktikan di beberapa buah negara. Contohnya, konsep *The Door of Hope* di Afrika Selatan yang berkaitan rapat dengan penubuhan *baby hatch* telah menyelamatkan beratus bayi pada tahun 1990. Faktor

kemiskinan mendorong ramai para ibu di sana membuang anak mereka kerana tidak mampu untuk membesarkannya. Oleh itu, sebuah badan kebajikan telah membuka satu pusat *baby hatch* yang dikenali sebagai *The Door of Hope* untuk memberi satu ruang atau alternatif baru bagi ibu-ibu yang terdesak membuang anak mereka secara selamat. Pumza Fihlani (2011), seorang wartawan dari *British Broadcasting Corporation* (BBC) berbangsa Afrika menulis:

The Door of Hope is saving the lives of scores of unwanted babies. Mothers can place their babies, usually newborn, inside and leave them anonymously to be found and cared for. Once the infant is placed inside the 'baby bin', sensors on the mattress set off an alarm.

Versi moden *baby hatch* dikatakan berasal dari Jerman pada tahun 2000. Namun model yang sama telah digunakan di Afrika Selatan pada tahun 1999. Dengan kata lain, kerajaan Jerman hakikatnya telah mengadaptasi konsep *The Door of Hope* yang berasal dari Afrika Selatan yang pertama kali dilaksanakan melalui pelancaran acara amal di rumah anak yatim Johannesburg. Mereka bekerjasama dengan pihak gereja bagi meletakkan '*baby bin*' di gereja (Duval Smith A. 2011). Pada tahun 2000 kerajaan Jerman memperkenalkan '*babykalppe*' di Hamburg sehingga 80 pusat telah beroperasi di mana 45 daripadanya dipusatkan di hospital (Macey 2010). Ibu kandung bayi yang ditinggalkan akan dihubungi oleh pusat ini untuk mendapatkan perincian berkaitan sejarah perubatan dan maklumat bayi tersebut. Malah harapan dan jangkakan si ibu kepada kemenjadian si bayi kelak juga ditanya dan direkodkan. Maklumat mengenai identiti ini membantu ibu mangsa untuk memperoleh khabar tentang bayi mereka dan untuk menuntut semula anak mereka. Jika dalam masa 8 minggu dari tarikh surat dihantar, tiada permintaan dari pihak ibu untuk menuntut anak mereka semula, maka bayi akan diberi kepada keluarga angkat. Sementara kajian O'Neil (2000) pula mendedahkan usaha kerajaan Jerman menubuhkan '*drop slot*' yang dibina di dinding luar klinik komuniti. Bayi yang baru lahir boleh ditempatkan di *drop slot* dan loceng akan berbunyi untuk memberi tahu mereka yang berada di dalam klinik tentang kehadiran bayi yang baru lahir.

Sedemikian juga di Austria, ibu kandung kepada bayi boleh menuntut kembali bayi mereka dalam masa 8 minggu di Austria. Cecair dakwat dan kertas disediakan dan diletakkan di *baby hatch* supaya ibu kandung tersebut dapat mengambil kesan cap jari tangan dan cap jari kaki bayi mereka agar mereka boleh menuntut bayi mereka kembali (Lorana Bartels 2012). Malahan di Austria, kelahiran tanpa nama sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, adalah dilindungi oleh klausa yang memperuntukkan bahawa ibu kandung yang melahirkan bayi tidak wajib mendedahkan identitinya jika dia dapat membuktikan bahawa dia berada dalam keadaan tertekan yang boleh membahayakan kesihatannya dan juga bayi (Katherine O'Donovan 2000).

Perkembangan penubuhan *baby hatch* sebagai

satu alternatif baru untuk meninggalkan bayi mereka dengan selamat dalam jagaan orang lain, mendesak terutamanya beberapa negara Barat untuk menggubal undang-undang berkaitan perkara ini. Keseimbangan antara isu tanggungjawab dan kemanusiaan diteliti dalam penggubalan undang-undang ini. Oleh itu, antara tujuan undang-undang ini digubal adalah untuk meminimalkan kes pembuangan bayi secara kejam, kematian bayi dan pada masa yang sama menjamin ibu atau individu yang terlibat dari dakwaan dan sabitan jenayah. *Safe haven law* atau *Baby Moses Law* paling dikenalpasti sebagai undang-undang yang menjadi sandaran di Barat. Michael S. Raum menulis:

These incidents have sparked a series of laws aimed at preventing infanticide by allowing parents to leave their children at designated "safe havens" within a short period after their birth. The ultimate goal of these laws is to protect babies by persuading mothers to leave them in safe places so they can receive any medical care that is needed and, ultimately, be placed with an adoptive family (2000).

Contohnya *Texas House Law 1999* di Amerika Syarikat, memperuntukkan bahawa mahkamah berbidangkuasa menafikan hubungan ibubapa dan anak terbabit jika seorang ibu atau bapa dengan secara sukarelanya membuang atau meninggalkan anak mereka dan tidak berniat untuk mengambil mereka kembali. Dengan kata lain, hak ibu bapa terhadap penjagaan anak tersebut diketepikan selamanya. Undang-undang yang digubal ini bertujuan untuk mengurangkan risiko bayi yang baru lahir dibuang di kawasan yang berbahaya dan menyebabkan kematian bayi serta melindungi ibu-ibu yang merasakan mereka tiada pilihan selain membuang bayi mereka. Undang-undang ini memberi jaminan keselamatan kepada ibu yang melahirkan bayi dan juga kepada bayi yang ditinggalkan di tempat yang disediakan tersebut (Dayna R. Cooper 2003; Michael S. Raum & Jeffrey L. Skaare 2000)

Jelas di sini, isu pembuangan bayi telah menyebabkan penggubalan atau pindaan undang-undang bagi mengatasi masalah ini. Namun, tidak banyak negara yang mengiktiraf undang-undang yang melindungi ibu dari didakwa di bawah jenayah pengabaian anak sebagaimana daerah-daerah di Amerika Syarikat memperuntukkan *safe haven law* di negara mereka. Malah, Australia juga baru memulakan langkah dengan membuat petisyen sokongan dari rakyat untuk mengiktiraf *safe haven law* di negara mereka. Sedemikian juga di Malaysia yang sudah lama mempraktikkan sistem *baby hatch* tetapi tiada undang-undang yang jelas diperuntukkan mengenai perkara ini (Lorana Bartels 2012).

Sejarah Penubuhan *Baby Hatch* di Malaysia

Peningkatan kes secara mendadak dan serius pada 2010 telah mendorong pihak kerajaan memainkan peranan yang lebih proaktif dan drastik untuk membanteras dengan lebih giat isu pembuangan bayi di Malaysia. Kajian 2010 menampilkan analisis statistik jumlah kes pembuangan bayi oleh Jabatan

Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) dari tahun 2000 hingga 2010 sebagaimana tertera dalam Jadual di bawah:

Jadual 2: Bilangan kes pembuangan bayi yang dilaporkan oleh JKM, 2000-2010

Tahun	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Bil. Kes	71	70	121	98	26	68	53	63	58	62	115

Sumber: Jabatan Kebajikan Malaysia 2000-2010

Statistik ini walau bagaimanapun tidak boleh dianggap sangat tepat untuk mewakili jumlah bilangan kes pembuangan bayi bagi seluruh Malaysia dalam tempoh yang diklasifikasikan tersebut. Keadaan ini disebabkan tidak semua kes pembuangan bayi dilaporkan atau jasad bayi dijumpai samada yang masih bernyawa atau tidak terutama di kawasan terpencil dan terbiar. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Polis Diraja Malaysia sendiri mengiyakan perkara ini. Mereka percaya dan yakin bahawa bilangan yang sebenar adalah lebih tinggi dari yang direkodkan.

Walau bagaimanapun, statistik yang dicatatkan adalah sangat membimbangkan jika dibandingkan dengan negara yang sudah mengaplikasikan sistem *baby hatch* di negara mereka seperti United Kingdom yang mencatatkan sebanyak 5 kes sahaja pada tahun 2010. Kebanyakan bayi yang dijumpai, bukan hanya ditinggalkan di surau atau tempat orang ramai, malah ada juga bayi yang dibunuh secara kejam kerana ingin menutup malu seperti disumbat di dalam lubang tandas, dicampak di longkang dan tong sampah. Malah, ada juga kes yang dilaporkan, ibunya membaling bayi yang baru sahaja dilahirkan dari bangunan tingkat 3 (Niner S. et. al 2013).

Oleh itu, pada 29 May 2010, pusat khidmat jagaan bayi pertama telah dibuka dan dirasmikan oleh HRH Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom. Pada ketika itu, Dato' Seri Shahrizat Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama dengan Pengarah Yayasan *OrphanCARE* telah bersama-sama meraikan pembukaan dan pelancaran pusat khidmat jagaan bayi yang pertama itu. Yayasan *OrphanCARE* telah bekerja rapat dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memberi kanak-kanak yang tidak sah taraf dan tidak diingini untuk disayangi dan dikasihi serta mendapat perlindungan yang sama seperti kanak-kanak lain (Mohd Mahyeddin Mohd Salleh et. al 2018).

Si ibu boleh meninggalkan bayinya di dalam kotak *baby hatch* yang dipasang dengan lampu dan sistem berhawa dingin. Kotak *baby hatch* dilengkapi dengan kemudahan dan ciri-ciri keselamatan yang baik untuk memastikan keselesaan dan keselamatan bayi tersebut. Setelah pintu *baby hatch* ditutup, ia tidak boleh dibuka semula kerana pintu akan terkunci secara automatik. Sistem ini bertujuan untuk

mengelak bayi tersebut diculik oleh individu lain. Sensor dipasang di bawah tilam *baby hatch* dan sebaik sahaja bayi diletakkan di atas tilam, sistem penggera di dalam bangunan akan berbunyi secara automatik. Seterusnya, pihak pengurusan juga boleh melihat gambar bayi tersebut dari dalam bangunan, yang akan terpapar di skrin televisyen menggunakan rakaman kamera litar tertutup (CCTV). Sekiranya si ibu berubah fikiran dan ingin mengambil semula bayinya, dia boleh bercakap dengan staf yang bertugas, menerusi alat interkom yang dipasang di luar kotak *baby hatch*. Staf yang bertugas seterusnya akan membuka pintu dari dalam dan menyerahkan semula bayi itu kepada si ibu (Mohd Mahyeddin Mohd Salleh et. al 2018). Si ibu perlu mengisi satu borang khas yang tersedia di bahagian luar pintu *baby hatch*. Laporan polis tidak perlu dibuat sekiranya si ibu mengisi dan menandatangani borang tersebut. Seterusnya, proses mendapatkan keluarga angkat untuk bayi yang ditinggalkan dilakukan berdasarkan rekod keluarga angkat yang sedia tersimpan di *OrphanCARE*. Kegagalan si ibu untuk menandatangani borang yang disediakan melambatkan proses penyerahan kepada keluarga angkat disebabkan laporan polis serta siasatan lanjut perlu dibuat.

Azizah Mohd Dun menjelaskan bahawa keselamatan dan kesihatan bayi yang ditinggalkan di *baby hatch* dijamin mendapat perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sebaik sahaja bayi dimasukkan ke dalam *baby hatch*, mereka akan dibawa terus ke hospital untuk pemeriksaan lanjut kerana ada juga kes di mana bayi yang diletakkan di dalam kotak masih bertali pusat dan memerlukan rawatan intensif. Bayi berkenaan juga akan ditempatkan bersama orang yang layak selepas melalui proses panel penempatan sesuai dan diputuskan mahkamah sebagai anak angkat. Sejak Januari hingga September 2017, seramai 11 orang bayi berjaya diselamatkan yang merekodkan secara keseluruhan dari tahun 2010 hingga September 2017 sebanyak 43 bayi berjaya diselamatkan. Hal ini menunjukkan peningkatan penggunaan *baby hatch* dalam kalangan masyarakat (Rohaniza Idris, Nadia Hamid & Fahmy Azril 2017).

Pada 2017, kerajaan telah berkolaborasi dengan Hospital KPJ dan menubuhkan lapan pusat *baby hatch* di hospital tersebut seluruh negara iaitu di Damansara, Kuala Lumpur, Johor Bharu; Pulau Pinang, Ipoh, Perak, Kelantan dan Kuantan, Pahang. Selain itu, *baby hatch* turut ditempatkan di tiga Pusat Perlindungan *OrphanCARE* di Kuala Lumpur, Sungai Petani (Kedah) dan Johor Bharu. Memetik pernyataan Che Asmah Ibrahim³, *OrphanCARE* juga mempunyai rancangan untuk berkolaborasi dengan hospital kerajaan untuk meletak *baby hatch* di sana. Rancangan ini merupakan langkah yang baik kerana hospital kerajaan mempunyai kakitangan yang mahir untuk menguruskan bayi-bayi ini dan dapat mengatasi kekangan utama kos operasi (*The Malaysian Reserve* 2021). Walaupun penubuhan *baby hatch* semakin diperbanyakkan, namun, tahap kesedaran masyarakat

dalam kepentingan menggunakan *baby hatch* masih ditahap tidak memuaskan. Hal ini kerana, statistik jumlah kes pembuangan bayi dikesan semakin meningkat saban tahun dengan jumlah keseluruhan pada tahun 2013 sehingga Jun 2017 adalah sebanyak 478 kes. Pada 2013 sebanyak 90 kes buang bayi dikesan, seterusnya meningkat pada 2014 dengan 104 kes, 2015 (111 kes) dan 2016 (115 kes) (Rohaniza Idris, Nadia Hamid & Fahmy Azril 2017). Che Asmah Ibrahim menjelaskan bahawa statistik pembuangan bayi di negara ini menunjukkan peningkatan kepada lebih daripada 100 kes setahun. Sehingga kini, yayasan ini telah menyelamatkan nyawa 437 bayi dengan 267 daripadanya telah diambil sebagai anak angkat, 158 bayi dijaga oleh ibu kandungnya, sementara 12 bayi telah dirujuk ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Beliau menegaskan dalam *The Malaysian Reserve* bertarikh 9 Februari 2021 bahawa dari Januari hingga Disember 2020, sejumlah 45 bayi diselamatkan dan dirawat oleh *OrphanCARE*. Kes-kes ini melibatkan sembilan bayi dari anak kecil dan 36 kes bayi dari ibu kandung dan ibu mengandung yang datang untuk mendapatkan perlindungan dan pertolongan dari *OrphanCARE* (2021).

PELAKSANAAN *BABY HATCH* MENURUT PERUNDANGAN DI MALAYSIA DAN SYARAK

Pelaksanaan *Baby Hatch* Menurut Perundangan Sivil dan Syariah di Malaysia

Pengabaian merupakan kegagalan yang berterusan dalam menyediakan keperluan fizikal, emosi dan perkembangan asas dari segi kesihatan, pendidikan, perkembangan emosi, makanan, tempat tinggal dan kehidupan yang selamat. Definisi ini jelas diperuntukkan di dalam Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan Malaysia (2016) dan selaras dengan Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 (*UNCRC*) dan Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016. Ringkasnya pengabaian memberi kesan besar kepada nyawa, kebajikan dan keselamatan kanak-kanak serta mampu memberi impak kepada masyarakat dan negara (Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof & Zuliza Mohd Kusrin 2019).

Kajian 2019 menghuraikan petikan dari sumber media massa Utusan yang bertarikh 12 September 2018 yang memaparkan isu pengabaian kanak-kanak. Paparan ini menjelaskan pembabit pelbagai bentuk tindakan dan peninggalan yang dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga sama ada di rumah atau di tempat awam sebagai satu bentuk pengabaian. Sebagai contoh kes di rumah membabitkan kanak-kanak lemas di dalam baldi, terjatuh bangunan, terbakar bermain mercun, dilanggar ibu bapa sendiri dan sebagainya. Begitu juga kes di tempat awam seperti terjatuh eskalator, lemas di pusat perangan, tertinggal di dalam kereta, diculik, dibunuh dan sebagainya. Hal ini berlaku akibat kekurangan pemantauan, kelalaian serta ketidakpekaan ibu bapa atau penjaga dalam mengawal setiap tingkah laku, tindakan, kelakuan dan

aktiviti anak-anak sehingga berlaku perkara yang tidak diinginkan (Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof & Zuliza Mohd Kusrin). Jelas di sini tindakan buang bayi mempunyai ciri-ciri yang membentuk pengabaian ini.

Sistem perundangan di Malaysia sememangnya memberi jaminan perlindungan kepada kanak-kanak daripada pengabaian ibu bapa atau penjaga melalui beberapa dasar dan undang-undang berkaitan dengan kanak-kanak. Antaranya, Dasar Kanak-kanak Negara, Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 (Akta 1511), Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) serta beberapa peruntukan lain dalam enakmen keluarga Islam negeri-negeri (Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof & Zuliza Mohd Kusrin 2019). Namun, dasar dan peruntukan undang-undang ini hanya tertumpu kepada bayi yang dibuang dan masih hidup untuk mendapat perlindungan undang-undang. Sebahagian dari peruntukan yang sedia ada berkaitan dengan kes pembuangan bayi dikaitkan secara tidak langsung dengan peruntukan mengenai anak tak sah taraf dan kesalahan membuang bayi yang menyebabkan kematian. Tidak ada peruntukan undang-undang yang jelas dan khusus berkaitan anak yang dibuang sama ada di bawah bidangkuasa undang-undang Persekutuan ataupun negeri.

Kes pembuangan bayi disiasat mengikut seksyen 31 Akta Kanak-kanak yang boleh dihukum denda maksimum RM50,000 atau penjara 20 tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan di bawah seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak Pindaan 2016. Seksyen 31(1)(a) Akta A1511 memperuntukkan:

- (1) Mana-mana orang, yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak—
 - (a) yang menganiayai, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu atau bertindak secara cuai dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai, diabaikan, dibuang atau didedahkan sedemikian;

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Peruntukan jelas menyebut istilah 'membuang' dan 'dibuang' bersama dengan istilah-istilah kecuai, pengabaian dan penderaan bayi. Hakikatnya, tindakan cuai, abai dan dera secara tidak langsung berlaku apabila bayi itu dibuang. Setiap perbuatan tersebut membentuk satu pakej lengkap yang bertautan antara satu sama lain. Ibu bapa dan penjaga yang melakukan perbuatan ini sehingga menyebabkan kecederaan fizikal atau emosi ke atas kanak-kanak secara sengaja ataupun tidak tertakluk kepada peruntukan Akta A1511. Selain hukuman denda dan penjara, Mahkamah juga boleh mengenakan hukuman tambahan berbentuk bon dan khidmat masyarakat terhadap ibu bapa atau penjaga seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 31(2) dan (3) Akta

A1511:

(2) Mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dinyatakan dalam subseksyen (1), memerintahkan supaya orang yang disabitkan atas kesalahan di bawah subseksyen itu—

- (a) menyempurnakan suatu bon dengan penjamin untuk berkelakuan baik selama apa-apa tempoh dan dengan apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Mahkamah; dan
- (b) melaksanakan khidmat masyarakat.”; dan

(a) hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dinyatakan dalam subseksyen (1), memerintahkan supaya orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen itu menyempurnakan suatu bon dengan penjamin untuk berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang difikirkan patut oleh Mahkamah; dan

(b) boleh memasukkan dalam bon yang disempurnakan di bawah perenggan (a) apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

suatu bon untuk berkelakuan baik di bawah subseksyen (2) tidak mematuhi mana-mana syarat bon itu, dia boleh didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selanjutnya selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3A) Khidmat masyarakat yang disebut dalam perenggan (2)(b)—

- (a) tidak boleh kurang daripada tiga puluh enam jam dan tidak lebih daripada dua ratus empat puluh jam secara agregat;
- (b) hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh perintah itu; dan
- (c) hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Mahkamah.

(3B) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah Mahkamah supaya melaksanakan khidmat masyarakat di bawah perenggan (2)(b) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.”.

Kanak-kanak yang dibiarkan tanpa pengawasan dan penjagaan oleh ibu bapa atau penjaga termasuk kanak-kanak atau bayi yang dibuang, boleh juga dikenakan tindakan di bawah Seksyen 33 Akta A1511 yang memperuntukkan:

(1) Mana-mana orang, yang merupakan ibu atau bapa atau penjaga atau orang yang pada masa itu mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak, yang meninggalkan kanak-kanak itu—

- (a) tanpa mengadakan persediaan bagi pengawasan dan pemeliharaan yang berpatutan bagi kanak-kanak itu;
- (b) selama suatu tempoh yang tidak berpatutan memandangkan semua hal keadaan; atau
- (c) dalam keadaan yang tidak berpatutan memandangkan semua hal keadaan, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau

kedua-duanya.

Pembuangan bayi terutama yang masih bernyawa, boleh mengakibatkan kematian bayi samada dengan sengaja atau tidak sengaja. Oleh itu, elemen kematian yang wujud dalam perbuatan membuang bayi boleh mensabitkan pelakunya dan sesiapa yang terlibat sama dengan kesalahan membunuh. Mereka boleh disabitkan dan dikenakan hukuman yang setimpal sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan (Akta 574).

Siti Azila Alias melaporkan dalam kolum *Berita Harian Online* pernyataan yang dibuat oleh Siti Kamsiah Hassan, seorang superintendan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman berkaitan penyubahatan yang berlaku dalam kes pembuangan bayi (2018). Menurut beliau, kes buang bayi disiasat sebagai kes bunuh atau percubaan membunuh mengikut seksyen 302 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang membawa hukuman mati mandatori, manakala kes percubaan membunuh mengikut seksyen 307 Kanun yang sama membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun. Statistik bermula dari 2014 hingga 2018 yang dikeluarkan oleh Bahagian D11 Ibu Pejabat Polis Bukit Aman mengesahkan, hanya tiga kes buang bayi disiasat di bawah kedua-dua seksyen ini. Kebanyakan pendakwaan kes buang bayi melibatkan penguatkuasaan seksyen 317 yang mewakili 32.96 peratus dan seksyen 318 pula sebanyak 59.93 peratus daripada keseluruhan 534 kes yang disiasat. Seksyen 317 Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan menyembunyikan kelahiran dengan niat membuang bayi dan boleh dihukum penjara tidak lebih tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya. Sementara seksyen 318 dari Kanun yang sama pula berkaitan menyembunyikan kelahiran dengan membuang mayat dan boleh dihukum penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya. Peruntukan ini boleh digunakan kerana pelaku jenayah kebiasaannya melibatkan para ibu kepada bayi tersebut, lelaki yang menghamilkan perempuan terbabit atau individu lain yang bersubahat, dan tindakan mereka meninggalkan anak mereka di pelbagai tempat seperti di tepi longkang, dalam tong sampah dan juga di hadapan rumah-rumah ibadat adalah dengan niat untuk membuang kanak-kanak tersebut. Namun Siti Kamsiah Hassan menegaskan undang-undang yang diperuntukkan mengenai hukuman bagi kesalahan buang bayi atau menyembunyikan kelahiran adalah tidak setimpal dengan jenayah dilakukan, lebih-lebih lagi mengambil kira tindakan itu yang berisiko menyebabkan kematian bayi tidak berdosa (2018).

Ibu bapa atau penjaga atau pihak-pihak lain yang terbabit boleh dituduh, dibicara dan disabitkan bukan hanya terhadap perbuatan membuang bayi tersebut sahaja malah terhadap perbuatan yang terkesan dari tindakan mengabaikan dan membuang bayi sebelum itu. Contohnya, berlaku kecederaan parah atau kematian bayi yang dibuang. Analisis peruntukan undang-undang sedia ada yang dibincangkan hakikatnya, menimbulkan persoalan kedudukan bayi yang dibuang atau diletakkan di *baby hatch* dari sudut undang-undang. Sejauh mana tindakan ibu bapa atau

penjaga ini dibenarkan oleh undang-undang dan sejauh mana pihak yang mencipta alternatif ini diiktiraf oleh undang-undang? Jangkaan awal terpacat di minda setiap individu, meletakkan kedudukan ibu bapa atau penjaga yang meninggalkan bayi mereka di *baby hatch* sebagaimana mereka yang boleh didakwa di bawah seksyen 317 dan seksyen 318 Kanun Keseksaan.

Namun, laporan akhbar dari Sophia Ahmad (2016) menegaskan pernyataan Pengurus Projek *OrphanCARE*, Syarah Mohamed Tahir bahawa meletakkan bayi di *baby hatch* bukanlah satu jenayah dan mereka tidak akan didakwa. Perkara ini ditegaskan sekali lagi oleh jaminan suara Menteri yang berkenaan bahawa tindakan mereka bukanlah satu jenayah. Bahkan, keselamatan dan kesihatan bayi mereka mendapat perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) (Rohaniza Idris, Nadia Hamid dan Fahmy Azril 2017). Perkara yang sama disuarakan dan dipersetujui oleh Ketua Pegawai Eksekutif *OrphanCARE (The Malaysian Reserve 2021)*. Adakah jaminan suara yang diberi ini boleh mengatasi ketetapan undang-undang?

Undang-undang sedia ada boleh dikatakan masih tidak mampu melindungi dan memberi imuniti kepada si ibu yang meletakkan anak di *baby hatch*. Ketiadaan peruntukan yang jelas berkaitan perkara ini boleh menimbulkan pelbagai masalah. Syirin Junisya⁴ dalam satu wawancara yang dibuat oleh *Channel News Asia (CNA)*, berkongsi bahawa sebab utama ibu-ibu meninggalkan bayinya adalah putus asa dan takut didakwa di bawah undang-undang yang berkaitan, seperti Kanun Keseksaan dan enakmen jenayah Syariah setiap negeri. Mereka mencari perlindungan di tempat-tempat yang kononnya aman, tetapi kemudian disiasat dan didakwa. Beliau menekankan bahawa selain usaha kesedaran, penting bagi ibu untuk memiliki sistem sokongan yang tidak berat sebelah dan tidak menghakimi (D Kanyakumari 2019). Rayuan beliau untuk menyemak dan mereformasikan undang-undang berkaitan adalah suatu yang baik. Namun, rayuan untuk mendekriminalisasi seks pra-perkahwinan adalah suatu yang penulis tidak bersetuju atas dasar kemoralan dan agama Islam sendiri. Malahan penulis percaya pegangan kepercayaan lain juga tidak membenarkan perbuatan ini. Sewajarnya satu akta atau peruntukan yang khusus berkaitan penubuhan dan pelaksanaan *baby hatch* diusahakan dan digubal oleh pihak berwajib tanpa mencabul norma kemoralan dan undang-undang. Kehadiran akta atau peruntukan ini kelak dalam senarai statut di Malaysia bukan sahaja menjamin status ibu yang terlibat dari pendakwaan jenayah bahkan institusi *baby hatch* juga dapat diiktiraf dengan lebih jelas dari sudut pelaksanaannya.

Manakala undang-undang jenayah syariah dan mahkamah syariah negeri-negeri tidak berbidang kuasa untuk mendengar kes atau membicara kes berkaitan jenayah buang bayi atau menyembunyikan kelahiran bayi. Jenayah yang melibatkan sebahagian dari bentuk pengabaian ibu bapa atau penjaga ini, jelas

terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan terutama seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak Pindaan 2016 (Akta 1511) sebagaimana dijelaskan sebelum ini. Bidang kuasa undang-undang jenayah dan mahkamah syariah negeri-negeri di Malaysia walau bagaimanapun, tetap berperanan dan bertanggung jawab untuk memastikan statistik jenayah buang anak ini menunjukkan satu penurunan. Bidang kuasa ini dengan kata lain, lebih mengarah kepada pencegahan awal sebelum berlakunya jenayah buang bayi. Contohnya, undang-undang berkaitan jenayah khalwat, persetubuhan luar nikah, perbuatan sumbang mahram, perbuatan tidak sopan di tempat awam dan lain-lain di Bahagian IV, Kesalahan yang Berhubungan dengan Kesusilaan telah diperuntukkan dalam setiap enakmen jenayah syariah negeri-negeri.

Kes-kes kelahiran anak di luar perkahwinan yang sah contohnya, tidak dinafikan banyak berlaku dalam kalangan orang Islam di Malaysia. Namun, bahagian penguatkuasa agama dan bahagian pendakwaan syarie hanya bertindak terhadap suspek atau tertuduh iaitu si ibu dan si lelaki yang berselingkuh dengannya bersama keterangan-keterangan yang kukuh. Tindakan si ibu atau si lelaki tersebut atau individu lain membuang bayi yang dilahirkan itu hendaklah dilaporkan kepada pihak polis jika bahagian penguat kuasa agama dapat mengesan adanya aktiviti ini melalui siasatan yang dilakukan. Penangkapan semula pelaku jenayah ini akan dilakukan oleh pihak polis. Pihak penguatkuasa agama tidak berbidangkuasa untuk melakukan sebarang tangkapan berdasarkan tindakan jenayah buang anak tersebut. Berbeza dengan pihak polis yang sememangnya berbidang kuasa untuk membuat tangkapan ke atas suspek dalam kes jenayah syariah. Perkara ini diperuntukkan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri-negeri. Kebanyakan seksyen berkaitan tangkapan dan geledahan menyebut peranan pihak polis berpangkat tidak kurang daripada Inspektor bersama penguatkuasa agama dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan tatacara tersebut.

Justeru itu, bidangkuasa undang-undang jenayah syariah yang terhad dalam ruang lingkup yang ditetapkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) dan bidangkuasa mahkamah syariah sebagaimana diperuntukkan antaranya dalam Perkara 121A Perlembagaan Persekutuan, hanya sekadar satu mekanisme awal pengawalan jenayah buang anak dalam kalangan orang-orang Islam di Malaysia. Sewajarnya, bahagian pentadbiran Agama Islam negeri-negeri mengambil peranan proaktif dan efektif bekerjasama dengan pihak Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat menangani jenayah buang anak.

Pelaksanaan *Baby Hatch* Menurut Syarak

Penubuhan *baby hatch* tidak dinafikan menimbulkan kontroversi dalam kalangan orang-orang Islam di Malaysia. Malahan asal usul *baby hatch* yang dikaitkan dengan gereja atau kristianiti dijadikan

sandaran penubuhan ini tidak diperakui oleh orang-orang Islam di negara ini. *Baby hatch* juga dikatakan tidak tertumpu kepada pengekangan jenayah seksual seperti zina apabila membenarkan bayi yang dilahirkan hasil dari perilaku ini bagaikan dijanjikan suatu penempatan yang selesa. Keadaan ini umpama menggalakkan dan mempermudah individu yang terlibat dalam jenayah zina. Pelbagai dakwaan dan tuduhan tanpa penelitian dan analisis yang mendalam serta bukti yang kukuh disebar dalam masyarakat Islam di sini mengenai penubuhan *baby hatch* dan fungsinya.

Orang-orang Islam dilarang untuk bersangka buruk tentang sesuatu dan cepat menghukum terutama dalam perkara-perkara baru yang tidak ada sandaran dalil *qat'ie* dalam penjelasan hukum berkaitannya. Firman Allah dalam surah al-Kahfi, ayat 68: Maksudnya: Dan bagaimana engkau akan sabar terhadap perkara yang engkau tidak mengetahuinya secara meliputi?

Allah SWT juga berfirman dalam surah al-Isra' ayat 36 yang bermaksud:

Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya.

dan Surah al-Nahl, ayat 116 yang bermaksud:

Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: "Ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya.

Coretan Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2019) menuliskan penulisan Bakr Abū Zaid dalam *Hilyah Tālib al-Ilmi* yang menyatakan, seseorang itu hendaklah berfikir dahulu apabila bercakap tentang sesuatu hukum. Jika dia mengetahui dan mendapat gambaran yang jelas, barulah dia bercakap. Sebaliknya jika tanpa mengetahui hakikat sesuatu, lebih baik dia diam, kerana keselamatan itu adalah pada yang diam (2002). Kaedah *fihiyyah* yang berbunyi 'hukum atas sesuatu adalah cabang daripada gambarannya' (الْحُكْمُ عَلَى الشَّيْءِ فَرْعٌ عَنِ تَصْوُرِهِ) yang menjadi tumpuan catatan Mufti Wilayah ini boleh dikaitkan dengan isu penubuhan dan pelaksanaan *baby hatch*.

Kefahaman tentang tujuan atau *maqāsid* sesuatu perkara yang dilakukan itu tidak menyalahi syariat Islam, adalah perkara pertama untuk dikaji dan dianalisis sebelum sesuatu hukum dikeluarkan. Ahmad al-Raisuni berpandangan bahawa *maqāsid shar'iyah* merupakan tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syariat bagi merealisasikan kemaslahatan manusia (1994). Justeru itu, penelitian terhadap hubungkait antara *maqāsid shar'iyah* dan amalan *baby hatch* perlu dilakukan. Asasnya, *maqāsid* utama syariat Islam ialah untuk memberi kemaslahatan kepada manusia samada membawa *maṣlahah* (manfaat) atau menolak *mudhārat* (keburukan) daripada manusia. Sedemikian juga antara objektif utama penubuhan *baby hatch* ialah untuk menjaga *maṣlahah* (manfaat) bayi yang dilahirkan dan tidak diingini oleh si ibu atau individu lain yang mempunyai kaitan dengan kelahirannya.

Baby hatch juga mampu menghindari *mudhārat* (keburukan atau kemudaratan) kepada bayi ini seperti dibuang ke tempat-tempat yang berbahaya atau ditinggalkan tanpa pengawasan sehingga menjadi mangsa kerakusan binatang liar.

Kajian pada tahun 2013 di Jepun antaranya, telah membuktikan objektif penubuhan dan pelaksanaan *baby hatch* memberi hak kepada bayi untuk hidup dan diselamatkan. Malah, *baby hatch* juga berfungsi sebagai tempat perlindungan sementara waktu yang menerima bayi ketika ibu bapa atau penjaga dalam dilema samada untuk mengambil tanggungjawab menjaga bayi mereka atau melepaskannya. Walau bagaimanapun, *baby hatch* merupakan pilihan terakhir bagi ibu bapa atau penjaga ini (Asai, Atsushi dan Ishimoto, Hiroko 2013). Sementara di Malaysia, proses yang disebut '*Deinstitutionalisation*' (*DI*) untuk membantu bayi yang diletakkan di *baby hatch* diasimilasi menjadi keluarga, mendapatkan akses pendidikan, penjagaan kesihatan yang berkualiti serta sokongan dan perlindungan komuniti juga dilaksanakan (*OrphanCARE* 2020). Kesemua ini menjelaskan kemaslahatan dan kesejahteraan bayi yang ditinggalkan di *baby hatch* menjadi keutamaan. Oleh itu, penubuhan *baby hatch* merupakan sesuatu yang menepati *maqāsid shar'iyah*. Penjagaan agama, nyawa dan keturunan atau nasab yang merupakan tiga dari lima *dharūriyyāt* utama dalam Islam, mendasari tujuan utama kepada kewujudan *baby hatch*.

Pada masa yang sama, dakwaan terhadap penubuhan dan amalan *baby hatch* membawa kemudaratan kepada masyarakat terutama orang-orang Islam di Malaysia tidak dinafikan dan bukan satu pembohongan. Situasi yang berlaku sekarang hakikatnya, melibatkan pertembungan antara dua kemudaratan. Aplikasi kaedah *fiqhīyah* sebagaimana dijelaskan oleh Ibn Nujaym, 'kemudaratan kecil dilakukan bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan kepada umum' (يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام) (1990) menyelesaikan kemelut ini. Apabila bertembung dua kemudaratan antara yang umum iaitu membiarkan aktiviti buang bayi di tempat-tempat yang tidak sewajarnya sehingga mengakibatkan kematian mangsa dan kemudaratan khusus bila bayi yang dibuang di *baby hatch* ini nasabnya dirahsiakan atau tidak diketahui. Maka dibolehkan untuk melakukan perkara yang membawa kepada kemudaratan khusus bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan kepada umum.

Baby Hatch dan Pemeliharaan al-Dharuriyyāt al-Khams

Penubuhan *baby hatch* jelas melibatkan pemeliharaan tiga dari lima *al-dharuriyyāt al-khamsah* iaitu pemeliharaan agama (*hifz al dīn*), nyawa (*hifz al nafs*) dan keturunan (*hifz al nasab*) di bawah prinsip utama *maqāsid shar'iyah*. Tujuan penubuhan *baby hatch* adalah untuk memberi perlindungan kepada bayi yang dibuang atau diabaikan. Jaminan keselamatan, kesihatan dan kehidupan yang sempurna kepada bayi

yang diletakkan di *baby hatch* diberi. Oleh itu, pengangkatan dan penyerahan bayi terlibat kepada keluarga angkat hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan dengan melihat terlebih dahulu kepada latar belakang agama keluarga angkat tersebut. Misalnya, bayi Melayu hanya diserahkan kepada keluarga Melayu Islam, manakala bayi keturunan India akan diserahkan kepada keluarga India (*OrphanCARE* 2011). Kewujudan *baby hatch* dengan kata lain, dapat menjamin dan menyelamatkan aqidah bayi atau kanak-kanak tersebut. Allah berfirman dalam surah al-Mukminūn ayat 71:

Maksudnya: Dan kalaulah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang adanya. (Bukan sahaja Kami memberikan agama yang tetap benar) bahkan Kami memberi kepada mereka al-Quran yang menjadi sebutan baik dan mendatangkan kemuliaan kepada mereka; maka al-Quran yang demikian keadaannya, mereka tidak juga mahu menerimanya. Kalam Allah di atas membuktikan agama Islam sentiasa memberi ruang kepada mereka yang bersalah untuk membaiki diri mereka sendiri dalam apa jua keadaan sekalipun dan bukannya mencari lebih kemudaratan.

Bayi yang diletakkan di *baby hatch* dianggap bayi yang dibuang juga. Ibu atau penjaga bayi tersebut secara tidak langsung mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah dan mencabul hak bayi tersebut untuk satu kehidupan dan kasih sayang yang sempurna. Namun, sebagaimana dibahaskan sebelum ini, tindakan tersebut merupakan satu kemudaratan yang lebih kecil berbanding dengan tindakan membuang bayi di tepi longkang, tong sampah dan tempat-tempat yang tidak sepatutnya bayi itu berada yang boleh mengancam nyawanya. Apabila bertembung dua kemudaratan serentak dalam satu masa maka hendaklah dihilangkan kemudaratan itu dengan melakukan perkara yang membawa kepada mudarat/ kerosakan yang lebih kecil.

إِذَا تَعَارَضَ مَفْسَدَتَانِ رُوِيَ أَعْظَمُهُمَا ضَرَرًا بَارْتِكَابِ أَحَقَّهُمَا

(Ibn Nujaym 1990)

Maksudnya: Apabila bertembungnya dua *mafsadah*, maka dipelihara (ditolak) mudarat yang paling besar dengan melakukan mudarat yang lebih ringan.

Tindakan mereka membuang bayi di merata tempat tanpa ada pengawasan merupakan satu bentuk pengabaian yang boleh dikategorikan sebagai perbuatan peninggalan yang boleh didakwa, dibicara, disabit dan dihukum menurut *fiqh* jenayah mahupun undang-undang di negara ini. Bahkan perilaku ini jelas merupakan sifat yang tidak berperikemanusiaan yang bercanggah dengan ajaran agama Islam dan menyimpang dari prinsip *maqāsid shar'iyah* dalam pemeliharaan agama. Justeru itu, kehadiran *baby hatch* dalam sistem sosial masyarakat Islam di Malaysia khususnya, mampu untuk menyelamatkan serta menjamin agama asal setiap bayi yang diletakkan di sana.

Pemeliharaan nyawa merupakan antara *maqāsid*

utama penubuhan *baby hatch*. Jenayah buang anak kebanyakannya melibatkan kehilangan nyawa bayi sebagai mangsa tindakan manusia tidak bertanggungjawab serta tidak bermoral atau sebagai sekujur jasad kaku tanpa nisan, tanpa kubur yang sempurna samada dalam keadaan cukup sifatnya atau berkecai jasadnya. Kehinaan yang diterima oleh mangsa dari ibu sendiri hakikatnya mengulangi zaman jahiliyyah. Islam didatangkan kepada umat manusia bersama jaminan hak mereka dijaga termasuklah hak untuk hidup. Pelanggaran kepada hak ini memberi ruangan kepada empunya hak untuk menuntut keadilan dan ini tidak mengecualikan bayi yang baru dilahirkan. Oleh itu, Islam mengharamkan membunuh manusia lain tanpa alasan yang benar, berdasarkan firman Allah di dalam surah al-Isrā' ayat 33 :

Maksudnya: Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar.

Allah juga berfirman di dalam surah al-Tūn ayat 4 yang bermaksud:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.”

Maka tindakan ibu bapa atau penjaga atau individu yang lain membuang bayi mereka merupakan satu dosa. Peninggalan terhadap amanah yang diberi oleh Allah untuk menjaga sebaik-baik ciptaanNya dan tanggungjawab yang ditetapkan ke atas setiap ibu bapa atau penjaga, menjadikan tindakan tersebut suatu jenayah dalam Islam.

Penubuhan *baby hatch* sebagai pusat penjagaan oleh yang demikian, bertepatan dengan prinsip *maqāsid shar'iyah* dari aspek penjagaan nyawa. Kepentingan menjaga nyawa seseorang lebih penting dan utama daripada memikirkan kemungkinan menggalakkan lagi pembuangan bayi disebabkan penubuhan pusat seperti ini. Kewujudan *baby hatch* mampu meminimalkan kehilangan nyawa anak yang tidak berdosa dan menyelamatkan ibu bapa atau penjaga dari jenayah membunuh. Prosedur yang digariskan dalam pelaksanaan *baby hatch* menjamin keselamatan bayi yang ditinggalkan dari ancaman manusia dan binatang. Bermula dari pelindung bayi yang dihasilkan dengan tahap keselamatan yang diyakini seperti butang keselamatan yang berfungsi sebagai alat pengesan bagi menandakan bayi terdapat di dalamnya dan secara automatik lampu, alat penyaman udara serta loceng amaran akan berbunyi di bilik penjagaan bayi memberi isyarat kehadiran bayi. Pintu pelindung bayi terkunci secara automatik apabila pintu ditutup dan bayi dipastikan tidak berada di situ lebih dari lima minit. Prosedur ini bertujuan untuk mengelak bayi diculik, dilarikan atau tindakan yang tidak bertanggungjawab yang lain. Namun, kemudahan interkom disediakan bersebelahan bekas pelindung bayi sekiranya ibu atau individu yang meletakkan bayi bertukar fikiran untuk mengambil semula bayi mereka.

Penubuhan dan pelaksanaan *baby hatch* secara tidak langsung melibatkan isu nasab bayi yang ditinggalkan dan justeru itu, dikatakan bertepatan

dengan *maqāsid* menjaga keturunan (*hifz al nasab*). Perkara ini walau bagaimanapun, menerima kritikan dan menimbulkan keraguan kebanyakan ahli masyarakat mengenai kesahan modus operandi penentuan bangsa dan agama bayi yang terlibat. Apa yang diusahakan untuk memastikan nasab bayi tersebut, tidaklah sampai ke tahap pengesanan identiti ibu kandung bayi atau keturunannya yang lain. Penjagaan nasab yang dimaksudkan di sini lebih kepada tindakan menentukan bangsa, keturunan dan agama bayi yang ditinggalkan semaksimum mungkin. Contohnya, bayi akan diserahkan kepada keluarga angkat yang beragama Islam jika bayi yang ditinggalkan dikenal pasti berbangsa dan berketurunan Melayu serta beragama Islam. Begitu juga kepada bangsa dan agama yang lain.

Anak yang diletakkan di *baby hatch* merupakan anak yang dibuang dan boleh dikategorikan sebagai *al-laqit* menurut hukum syarak. Oleh itu, anak ini tidak boleh dinasabkan kepada sesiapa pun. Berbeza dengan anak tak sah taraf yang jelas kelahiran dari si ibu yang dikenal pasti, boleh dinasabkan kepada ibu dan keluarga ibunya (Zaydān 2012).

عن أبي هريرة عن النبي قال: الولد للفراش وللعاهر الحجر
(Al-Ṣan'ānī 1997)

Maksudnya: Anak itu adalah hak ibunya dan bagi bapa (penzina) adalah batu sahaja.

Namun, kelahiran anak yang dibuang ini samada sebagai anak sah taraf ataupun tidak sah taraf bukan lagi isunya kerana anak-anak yang dibuang ini tidak diketahui sejarah kelahiran dan latar belakang keluarganya. Malahan *al laqit* dan anak tak sah taraf adalah dua istilah yang berbeza. Malah mereka juga berhadapan dengan implikasi yang berbeza dalam beberapa perkara seperti nasab, nafkah, pusaka, pewalian, perkahwinan, hadanah dan kematian.

Hukum mengambil, menjaga, mendidik, memelihara, melindungi dan menginfaq harta kepada *al laqit* adalah fardhu kifayah ke atas semua orang Islam (Zulkifli Mohamad Al-Bakri 2019). Menurut beliau, kefardhuan ini bermula ke atas orang yang menemui *al laqit* atau diserahkan *al laqit* kepadanya untuk diserahkan kepada pihak berkuasa. Bahkan masyarakat Islam dibenarkan dan digalakkan untuk mengambil *al laqit* sebagai anak angkat dengan kebenaran pemerintah. Kajian 2011 yang melibatkan analisis perbincangan para fuqaha merumuskan *al laqit* berada di bawah tanggungjawab pemerintah (Mohd Alimin bin Alias 2011). Dengan kata lain, *al laqit* merupakan amanah kepada pemerintah untuk memastikan keselamatan, kesihatan, pembelajaran dan kehidupannya terjamin. Perkara ini jelas dinyatakan dalam riwayat di bawah:

خبرنا الشافعي -رضي الله عنه- أخبرنا مالك، عن ابن شهاب، عن سنين أبي جميلة -رجل من بني سليم- أنه وجد منبوءاً في زمان عمر بن الخطاب، فجاء به إلى عمر، فقال: ما حملك على أخذ هذه النسمة؟ قال: وجدتها ضائعة فأخذتها. فقال له عريفي: يا أمير المؤمنين، إنه رجل صالح. فقال: أكذلك؟ قال: نعم. قال عمر: اذهب فهو حرٌّ، فلك ولاؤه وعلينا نفقته
(Al-Bayhaqīy 2003)

Maksudnya: Telah dikhabarkan kepada kami oleh

Imām al-Shafi‘i, kemudian dikhabarkan pula kepada kami oleh Imām Mālik, daripada Ibn Shihāb, daripada Sunainūn Abī Jamūlah: Seorang lelaki dari Bani Sulaim telah menjumpai bayi terbuang pada zaman ‘Umar Ibn al-Khattāb R.A, lantas beliau datang menemui ‘Umar Ibn al-Khattāb dengan membawa bayi tersebut. Kemudian ‘Umar bertanya, “Apa yang menyebabkan kamu mengambil bayi ini.” Lantas jawabnya: “Aku menjumpainya dalam keadaan terbiar. Lantas aku mengambilnya.” Lalu seorang yang mengenali nasab berkata kepada ‘Umar: “Wahai Amīr al-Mukminīn, sesungguhnya orang ini lelaki yang soleh.” Saidina ‘Umar bertanya: “Benarkah demikian itu?” Lantas jawabnya: “Ya.” Saidina ‘Umar berkata: “Pergilah, maka dia merdeka. Dan bagi kamu berhak menjaganya. Dan ke atas kami memberi nafkahnya.”

Begitu juga bayi yang ditinggalkan di *baby hatch* menjadi tanggungjawab pemerintah secara tidak langsung. Pengendalian *baby hatch* melibatkan peranan beberapa agensi dan pertubuhan yang berdaftar secara sah serta Kementerian di Malaysia. Pentadbiran urusan yang berkaitan dengan *baby hatch* pada pandangan penulis, mengarah kepada pemeliharaan *al-dharuriyyāt al-khamsah*. Contohnya, pengesanan status bangsa dan agama bayi hendaklah mengikut prosedur yang digariskan dan ditetapkan. Ibu atau individu yang meletakkan bayi di *baby hatch* perlu meninggalkan butiran lengkap atau sijil kelahiran selain mengisi borang yang disediakan bagi membolehkan proses penerimaan bayi berkenaan berjalan lancar. Mereka harus bertindak sedemikian sebelum menutup pintu *baby hatch*. Nor Afzan mengulas pernyataan Syarah Mohamed Tahir, pegawai Pengurusan Projek *OrphanCARE* yang menyatakan keadaan bayi yang diterima di *baby hatch* kadang-kadang bersama dengan surat memohon maaf, surat menyatakan status agama bayi berkenaan dan juga dokumen membuktikan keturunan dan agama ibu bayi itu (Nor Afzan Mohamad Yusof 2015). Laporan kepada pihak polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan hospital dibuat dengan segera jika ibu atau individu yang meletak bayi di *baby hatch* gagal untuk meninggalkan dokumen sebagaimana yang ditetapkan. Langkah ini bertujuan untuk mengelak perkara yang tidak diinginkan di kemudian hari dan hakikatnya ia menjamin kedudukan agama bayi yang ditinggalkan.

Penyerahan anak terbuang ini kepada keluarga angkat boleh dianggap sebagai satu usaha murni demi menyemai perasaan berkeluarga dan berkasih sayang dalam diri mereka. Panduan yang digariskan oleh syariah dalam isu pengambilan anak angkat juga perlulah dititikberatkan oleh setiap pasangan Muslim yang ingin mengambil anak angkat seperti sedaya upaya berusaha untuk mengenali keluarga asal anak terbabit supaya tidak berlaku pencampuran nasab di antara satu sama yang lain.

KESIMPULAN

Penubuhan *baby hatch* tidak boleh dianggap sebagai

jalan penyelesaian terbaik bagi masalah pembuangan bayi ini. *Baby hatch* hanyalah sekadar jalan penyelesaian bersifat perikemanusiaan dan belas kasihan kepada mereka yang terdesak untuk meninggalkan bayi di tempat selamat. Bahkan tindakan ini merupakan pilihan terakhir kepada ibu atau penjaga bayi terbabit. Kewujudan *baby hatch* mengelak bayi daripada ditinggalkan di tepi jalan, longkang atau tempat pembuangan sampah. Namun, perlu ditegaskan, kemudahan yang disediakan ini tidak boleh disalah anggap sebagai suatu galakan untuk membenarkan hubungan seks sebelum berkahwin, atau mengangap *baby hatch* sebagai jalan penyelesaian kepada kes pembuangan bayi. Norma agama dan kemasyarakatan tidak membenarkan suatu kemudaratan kekal subur dalam kehidupan manusia. Kaedah *fiqhiyyah* menjelaskan:

الضرر لا يكون قديما

Maksudnya: Sesuatu kemudaratan tidak boleh dibiarkan berkekalan.

Oleh itu, penulis bersetuju dengan penulisan Mohd Mahyeddin Mohd Salleh dan rakan-rakannya (2018) bahawa penubuhan *baby hatch* tidak harus disalah erti dengan mengganggapnya sebagai laluan untuk meneruskan aktiviti tidak bermoral atau sebagai tempat alternatif kepada yang ingin membuang bayi mereka. Walau bagaimanapun, dua perkara ini saling berkaitan antara satu sama lain. Menyelamatkan bayi sahaja adalah tidak memadai seandainya pintu utama yang membawa kepada masalah buang bayi iaitu zina tidak dibanteras. Kaedah syarak menjelaskan:

درء المفساد أولى من جلب المصالح

Maksudnya: Mengelakkan kemudaratan lebih utama berbanding menjaga kemaslahatan.

Sementara dari sudut perundangan di Malaysia, tidak ada undang-undang yang jelas dan spesifik berkaitan tindakan meletakkan atau meninggalkan bayi di *baby hatch* atau di tempat-tempat tertentu. Persoalan samada tindakan ini dibenarkan oleh undang-undang masih diperdebatkan justeru tindakan ini dianggap sebagai bentuk pengabaian terhadap kanak-kanak. Sekadar jaminan suara yang diberi oleh Menteri dalam isu ini tidak boleh mengatasi ketetapan undang-undang yang sedia ada. Oleh itu, perlu difikirkan satu undang-undang yang lebih jelas dan tegas berkaitan isu ini. Undang-undang yang hendak dibentuk perlu mengimbangi kesan tindakan ini kepada bayi, ibu dan juga masyarakat. Malah pembentukan undang-undang ini hendaklah mampu mengatasi kekeliruan yang timbul dalam kalangan penguatkuasa undang-undang, kehakiman dan juga masyarakat secara umum. Beberapa bidang kuasa perundangan mungkin terlibat dalam penyediaan suatu mekanisme undang-undang yang jitu untuk menangani kemelut ini. Contohnya, undang-undang berkaitan jenayah, kanak-kanak dan juga pertubuhan perbadanan atau agensi. Jelas di sini, bidang kuasa perundangan Persekutuan terlibat secara total dalam pembentukan undang-undang ini. Sementara perundangan syariah negeri-negeri di Malaysia walaupun tidak berbidang kuasa dalam perkara ini,

tetap terlibat sebagai undang-undang yang mencegah dan mengekang penularan aktiviti yang boleh menyebabkan wujudnya anak tak sah taraf yang merupakan antara penghuni tegar di kotak *baby hatch* ini. Penubuhan *baby hatch* di Malaysia khususnya, boleh dikatakan selari dengan ketetapan syarak dalam kebanyakan perkara. Pentadbiran dan pengendalian *baby hatch* terutamanya dilihat menepati *maqāṣid shar'iyah* dan pemeliharaan *al-dharuriyyāt al-khamsah* seperti penjagaan agama, nyawa dan nasab sebagaimana yang dibincang sebelum ini. Tidak dinafikan terdapat pelbagai pandangan mengenai kewajaran menubuhkan *baby hatch* ini dan perbincangan ini bukanlah suatu yang baru. Walau bagaimanapun, pertubuhan dan agensi yang mengendalikan *baby hatch* di Malaysia cakna terhadap keperluan untuk menjaga agama dan keturunan bayi yang ditinggalkan ini. Matan Mufti Wilayah Persekutuan pernah menyebut keperluan *baby hatch* ini dalam penulisan beliau mengenai *al-laqit*. Malah beliau mencadangkan kemudahan *baby hatch* berskala besar perlu dibangunkan dan disediakan untuk mengatasi kes-kes buang anak di negara ini (Zulkifli Mohamad Al-Bakri 2019). Ini membuktikan kesediaan populasi Islam untuk menerima pelaksanaan *baby hatch* dan kesediaan masyarakat Malaysia untuk menerima undang-undang yang lebih jelas dan adil dalam isu ini.

RUJUKAN

- Anon. 2011. "Baby hatches Turn 10 Amid Calls for Closure". *The Local*. 8 April. <http://www.thelocal.de/national/20100408-26419.html>
- Anon. 2018. Penganiayaan kanak-kanak, di mana sudahnya?. *Utusan*. 12 September.
- Anon. 2019. Lebih 100 bayi dibuang setiap tahun di Malaysia. *Sinar Harian*. 5 April. <https://www.sinarharian.com.my/article/21820/BERITA/Nasional/Lebih-100-bayi-dibuang-setiap-tahun-di-Malaysia>.
- Anon. 2019. OrphanCare continues to strive saving more babies despite setbacks. 9 February 2021. *BERNAMA. The Malaysian Reserve*. <https://themalaysianreserve.com/2021/02/09/orphancare-continues-to-strive-saving-more-babies-despite-setbacks/>
- Anon. 2020. *OrphanCare*. <https://orphancare.org.my/about-us/what-we-do/>.
- Asai, A., Ishimoto, H. 2013. Should we maintain baby hatches in our society?. *BMC Med Ethics* 14, 9. <https://doi.org/10.1186/1472-6939-14-9>
- Bartels, Lorana. 2012. Safe haven laws, baby hatches and anonymous hospital birth: Examining infant abandonment, neonaticide and infanticide in Australia. *36 Crim LJ* 19. Thomson Reuters: Australia. 19-37.
- al-Bayhaqīy, Ahmad ibn al-Husayn ibn ʿAli ibn ʿAbd Allah ibn Mūsa, Abū Bakr. 2003. *Al sunan al kubra li al imām al Bayhaqiy*. Juz 6. Dār al Kutub al ʿIlmiyyah: Beirut. Hlm.332.
- Cochrane, Joan. Ming, Goh Lee. 2013. Abandoned babies: the Malaysian "baby hatch". *Infant*. Vol. 9 (4). 142-144.
- Cooper, Dayna R. 2003. Fathers are parents too: challenging safe haven laws with procedural due process. *Hofstra Law Review*. Vol. 31: Iss. 3, Article 8. Hofstra University: Long Island, New York. <http://scholarlycommons.law.hofstra.edu/hlr/vol31/iss3/8>
- Dailey, M. A. 2011. The fate of innocents. *AJN The American Journal of Nursing*. Wolters Kluwer Health, Inc: USA. 111(6), 68-69. https://journals.lww.com/ajnonline/Abstract/2011/06000/The_Fate_of_Innocents.31.aspx.
- D Kanyakumari. 2019. Pregnant and alone: In Malaysia, social stigma forces unwed mothers to give up babies. 11 October 2019. *Channel News Asia (CNA)*. <https://www.channelnewsasia.com/news/asia/malaysia-abandoned-babies-dumping-unwed-mothers-adoption-11955576>
- Duval Smith, Alex. 2000. "A Hatch of Hope for South Africa's Abandoned Babies". *The Independent*. 13 July 2000. <http://www.independent.co.uk/news/world/africa/a-hatch-of-hope-for-south-africas-abandoned-babies-707473>.
- Fihlani, Pumza. 2011. 'Baby bin' to save South Africa's unwanted children. *BBC News Africa: Johannesburg*. 16 March 2011 <https://www.bbc.com/news/world-africa-12600166>
- Ibn ʿAshūr. 1998. *Maqāṣid al-shari'ah al-Islāmiyyah*. Urdūn: Dār al-Nafāis.
- Ibnu Nujaym, Zayn al-ʿAbidīn bin Ibrāhīm bin Nujaym. 1999. *Al-Ashbah wa al-nazāir ʿalā madhab Abī Hanīfah al-Nuʿman*. Terj. ʿAbd al-Karīm al-Fadhilī. Beirut: al-Maktabah al-ʿAṣriyah.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. 2010. *Jenayah Penderaan Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Khadijah Alavi & Ann Wan Seng. 2003. Memahami Latar Belakang Penderaan Kanak-Kanak. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad Nur & Mohammad Hadi Zahalan. 2018. Pengurusan dan perlindungan anak tak sah taraf melalui 'baby hatch': satu penilaian daripada perspektif maqasid syariah dan undang-undang di Malaysia. *Journal al-Abqari. Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. VOL. 13. Universiti Sains Islam Malaysia. 87-102.

- Macey, Vogel-Misicka S. "Unwanted Newborn Delivered to Baby Box", Swissinfo. 8 December 2010.
http://www.swissinfo.ch/eng/swiss_news/Unwanted_newborn_delivered_to_baby_box.html?cid=28971230
- Mohd Jamilul Anbia Md Denim. 2019. Buang bayi setiap 3 hari. *MyMetro*. 26 April. <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/04/448917/buang-bayi-setiap-3-hari>.
- Mohd Zuki Pileh. Tragedi bayi dibuang seperti sampah. *Sinar Harian*. 23 Julai 2020. <https://www.sinarharian.com.my/article/93539/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Tragedi-bayi-dibuang-seperti-sampah>
- Al-Nawawī. 1975. *Raudhah al-ṭālibīn*. 1405. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Niner, Sara, Ahmad, Yarina & Cuthbert, Denise. 2013. The 'social tsunami': Media coverage of child abuse in Malaysia's English-language newspapers in 2010. *Media, Culture & Society*. 35(4). 435-453.
<http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.832.8689&rep=rep1&type=pdf>.
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof & Zuliza Mohd Kusrin. 2019. Konsep pengabaian dan kecuaihan kanak-kanak oleh ibu bapa atau penjaga di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. USIM: Nilai. Vol. 7, No.1. 57-70. www.mjssl.usim.edu.my.
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof & Zuliza Mohd Kusrin. 2019. Tinjauan literatur faktor pengabaian kanak-kanak di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 16-28. Volume 2, Issue 1.016-028. <http://www.bitarajournal.com>.
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa' Yusof & Zuliza Mohd Kusrin. 2019. Pengabaian kanak-kanak dan jaminannya menurut syarak dan undang-undang di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. Vol. 4(1). Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi. 18-28.
<http://www.ukm.my/jcil/wp-content/uploads/2019/06/JCIL-2019-41-Article3.pdf>.
- O'Donovan, K. 2000. Enfants Trouves, Anonymous Mothers and Children's Identity Rights. In O'Donovan, K and Rubin, G (eds), *Human Rights and Legal History*, Oxford: Oxford University Press.
- O'Donovan, K. 2000. Interpretations of children's identity rights. In Bridgeman, J and Monk, D (eds). *Feminist Perspectives on Child Care Law*. London: Cavendish.
- O'Neill, T. 2000. No more "dumpster babies". *The Report*. Report newsmagazine. Vol.27(10). 38-39.
- Overmyer, May. 2019. The Bell That Saved Abandoned Babies In The Middle Ages. *Religion Unplugged*: New York. <https://religionunplugged.com/news/2019/5/29/what-the-pro-life-movement-looked-like-in-the-12th-13th-century/>
- Owens J, Daniel. 2018. Understanding Texas's Baby Moses or Safe Haven Law. *We have kid*. 11 Januari. <https://wehavekids.com/adoption-fostering/How-to-Use-Texas-Baby-Moses-Law>
- Raum, Michael S., Skaare, Jeffrey L. 2000. Encouraging Abandonment: The Trend towards Allowing Parents to Drop Off Unwanted Newborns. *North Dakota Law Review*. Vol. 76 : No. 3 , Article 2. University of North Dakota: USA.
<https://commons.und.edu/ndlr/vol76/iss3/2>.
- Rohaniza Idris, Nadia Hamid & Fahmy Azril. 2017. Letak bayi si baby hatch bukan jenayah. *Berita Harian*. 26 Oktober. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/10/342090/letak-bayi-di-baby-hatch-bukan-jenayah>.
- Russell-Wood A.J.R. 1968. *The Foundling Wheel. In: Fidalgos and Philanthropists*. Palgrave Macmillan: London. 295-319
https://doi.org/10.1007/978-1-349-00172-9_12
- Al-Ṣan'ānī, Muhammad Ibn Ismail. 1997. *Subul al-salām sharh bulūgh al-marām*. Jil.3. Qāherah: Dār al-Hadīth.
- Siti Azila Alias. 2018. Dakwa rakan, keluarga bersubahat jenayah buang bayi. *Berita Harian Online*. 20 Disember. sitiazila@bh.com.my
- The University of Nottingham (Institute of Work, Health & Organisations). 2012. Child Abandonment and its prevention in Europe. Nottingham: UK. <https://resourcecentre.savethechildren.net/node/7082/pdf/7082.pdf>
- United Nations. 1989. Convention on the Rights of the Child.
www.ohchr.org/en/professionalinterest/pages/crc.aspx. Diakses pada 2 Jun 2020.
- Al-Yubi, M..1998. *Maqāsid al-shari'ah al-Islāmiyyah*. Riyādh: Dārul Hijrah.
- Zaydān, °Abd Karīm. 2012. *Al-mufassal fī ahkām al-mar'ah wa al-bayt al-muslim*. Beirut: Muassasah al Risālah.
- al-Zuhaylī, Wahbah. 1997. *Fiqh al-Islāmī wa adillatuhu*. Edisi ke-4. Jil. 10. Damascus: Dār al-Fikr.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2019. Penyelesaian penjagaan anak zina/pungut/gelandangan menurut fiqh. *Bayan Linnas Siri ke-163*. 16 Januari 2019. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3033-bayan-linnas-siri-ke-163-penyelesaian-penjagaan-anak-zina-pungut-gelandangan-menurut-fiqh>.

NOTA Hujung

-
- ¹ Beliau merupakan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan gelaran Datuk Seri.
 - ² Undang-undang ini membenarkan seorang ibu melahirkan anak di hospital tanpa perlu menyediakan dokumen pengenalan diri. Penggubalan undang-undang ini bertujuan untuk membolehkan wanita menyerahkan anak mereka dengan selamat dan sah menurut undang-undang di bawah jagaan pemerintah.
 - ³ Datin Paduka merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan OrphanCARE semenjak November 2020.
 - ⁴ Beliau merupakan Pengarah Eksekutif *The Federation of Reproductive Health Associations of Malaysia (FRHAM)*.

Syahida Nafisah Hishamuddin
syidanafisah97@gmail.com
Pelajar Siswazah
Pusat Kajian Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

WAFAA' YUSOF
wafaa@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

Asas Forensik Dalam Islam Berdasarkan Sejarah Dan Elemen <i>The Basics of Forensics In Islam Based on The History And Elements</i> Athirah Mahussin, Nurbazla Ismail, Abdul Basir Mohamad	1-8
Mapping The Common Law Concept of Misrepresentation in Contract Under The Islamic Law Norhoneydayatie Abdul Manap, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Amirah Madihah Adnan	9-16
Panduan Ulama Islam Berkaitan Amalan Pencegahan Penularan Pandemik: Satu Sorotan <i>Muslim Scholars Guidances on Prevention of Pandemic:An Overview</i> Mohd Sophian Bin Ismail, Mohd Arif Bin Nazri, Najah Nadiyah Binti Amran	17-28
Saman Penghutang Penghakiman: Keperluan Perintah Nafkah atau Perintah Tunggakan Nafkah <i>Judgment Debtor Summons: Requirements for Maintenance Order or Recovery of Arrears of Maintenance Order</i> Mohd Hazwan Ismail, Jasni Sulong	29-38
Baby Hatch Menurut Perundangan Malaysia dan Syarak <i>Baby Hatch According to Malaysian Law and Syarak</i> Syahida Nafisah Hishamuddin, Wafaa' Yusof	39-52
Aplikasi Kaedah Perubahan Hukum dengan Berubahnya Masa dalam Siyasa Syariyyah <i>Application of the Method of Changing the Rulings Due to Changes in Time in Siyasa Syariyyah</i> Mohd Izzuddin Bin Mohd Noor, Fatimah Nadirah Binti Mohd Noor	53-61

Journal of Contemporary Islamic Law

(2021)Vol. 6(1)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi
Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh
Dr. Asman Taeali
Dr. Muhammad Yasir Yusuf
Dr. Ahmad Nizam
Dr. T. Meldi Kesuma
Sarjiyanto
Shinta Melzatia
Dr. Hamza Hammad
Dr. Nazlida Muhamad
Dr. Madiha Riaz
Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda
Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya
Dr. Azlin Alisa Ahmad
Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2021), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 6(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).
You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivate Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.